

Rolazide Tablet 80mg

Gliclazide (80mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Rolazide Tablet 80mg
2. Bagaimana Rolazide Tablet 80mg berfungsi
3. Sebelum menggunakan Rolazide Tablet 80mg
4. Cara menggunakan Rolazide Tablet 80mg
5. Semasa menggunakan Rolazide Tablet 80mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Rolazide Tablet 80mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Rolazide Tablet 80mg

Rolazide Tablet 80mg digunakan untuk merawat penyakit kencing manis yang tidak bergantung kepada insulin (jenis 2) di kalangan orang dewasa, apabila langkah-langkah pengawalan pemakanan, senaman dan kehilangan berat badan sahaja tidak mencukupi untuk mengawal tahap gula dalam darah.

Bagaimana Rolazide Tablet 80mg berfungsi

Bahan aktif ubat ini, *Gliclazide*, bertindak dengan cara merangsang pengeluaran insulin daripada sel beta dalam pankreas, lantas membantu mengurangkan kadar gula dalam darah anda.

Sebelum menggunakan Rolazide Tablet 80mg

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda hipersensitif kepada *Gliclazide*, *sulphonylureas* yang lain atau *sulphonamides*, atau sebarang kandungan di dalam ubat ini,
- Jika anda menghidap kencing manis yang memerlukan rawatan insulin; terutamanya diabetes juvena, kencing manis yang dirumitkan oleh ketosis dan asidosis, atau kencing manis *precoma*,
- Jika anda mempunyai penyakit hati yang teruk atau kegagalan buah pinggang,

- Jika anda sedang mendapatkan rawatan dengan agen mikonazol

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Rolazide Tablet 80mg jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Rolazide Tablet 80mg jika anda sedang menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Rolazide Tablet 80mg

Sila beritahu doktor anda jika anda mengalami atau pernah mengalami mana-mana perkara atau penyakit yang berikut:

- Pembawa G6PD yang (glukosa-6-fosfat dehidrogenase) kekurangan enzim.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan kerana sesetengah ubat-ubatan seperti di bawah mungkin berinteraksi dengan Rolazide Tablet 80mg:

Ubat-ubatan yang mungkin meningkatkan hipoglisemia (paras gula rendah dalam darah)

- Mikonazol (ubat untuk merawat jangkitan kulat)
- *Phenylbutazone* (ubat untuk merawat artritis)
- Minuman beralkohol atau ubat-ubatan yang mengandungi alkohol
- Penyekat beta (ubat untuk merawat penyakit darah tinggi)
- *Fluconazole* (rawatan melalui oral untuk jangkitan kulat)
- *Angiotensin converting enzyme (ACE) inhibitors* seperti *captopril* atau *enalapril* (ubat untuk merawat tekanan darah tinggi dan kegagalan jantung)

Ubat-ubatan yang mungkin meningkatkan hiperglisemia (paras gula tinggi dalam darah):

- *Danazol* (ubat untuk merawat gangguan payu dara, pendarahan haid dan endometriosis)
- *Chlorpromazine* (ubat untuk merawat gangguan sistem saraf pusat)
- Glucocorticoids
- *Salbutamol* (ubat untuk merawat asma)
- *Terbutaline* dan *ritodrine* (digunakan semasa bersalin)

Cara menggunakan Rolazide Tablet 80mg

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Ambil ubat anda dengan segelas air sewaktu sarapan pagi (dan sebaiknya ambil pada waktu yang sama setiap hari).

Anda harus makan selepas mengambil ubat anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan hipoglisemia (paras gula rendah dalam darah).

Jika anda mengalami tanda-tanda ringan hipoglisemia: lemah, berpeluh, lapar sengit, menggeletar, mengantuk, pening, sakit kepala, atau masalah penglihatan, makan atau minum sesuatu yang mengandungi gula.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Semasa menggunakan Rolazide Tablet 80mg

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Rolazide Tablet 80mg.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Ikut diet yang tetap; penting untuk anda makan secara tetap, termasuk sarapan dan jangan sekali-kali terlepas atau menangguhkan waktu makan.

Semak tahap glukos darah anda dengan tetap sebagaimana yang disyorkan oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Rolazide Tablet 80mg dengan sesiapa, walaupun

mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Rolazide Tablet 80mg boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Rawatan dengan tablet Gliclazide mungkin menyebabkan kesan sampingan yang berikut:

Hipoglisemia (paras gula rendah dalam darah)

- Gangguan gastrousus: sakit perut, loya, cirit-birit, sembelit
- Kulit dan gangguan tisu subkutaneus: ruam, pruritus (gatal-gatal yang teruk pada kulit), urtikaria (gatal-gatal), eritema (kemerahan kulit)
- Darah dan gangguan sistem limfa: tahap enzim hepatik meningkat (AST, ALT, phosphatase alkali)
- Lain-lain: *anemia*, *leucopenia* (pengurangan sel-sel putih dalam darah), *thrombocytopenia* (pengurangan platelet dalam darah), *granulocytopenia* (pengurangan bilangan granulosit), hepatitis (radang hati) dan penyakit mata.

Jika anda mendapati kesan yang tidak diingini yang tidak disebut di dalam risalah ini, sila laporkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers →Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Rolazide Tablet 80mg

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di tempat yang kering (di bawah 30°C). Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet Putih ke putih keputihan, berbentuk bulat dengan garisan pada tengah tablet di satu permukaan dan kosong pada permukaan yang lainnya.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Gliclazide

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose, corn starch, croscarmellose sodium, colloidal silicon dioxide & magnesium stearate.

- Nombor MAL

MAL*****

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk.

Royce Pharma Manufacturing Sdn.Bhd.

PT 1663, Nilai Industrial Estate, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/06/2016

Nombor Siri